

BERITA HARIAN. SELASA, 13 JUN, 1978

Dr. M. akan rasmi majlis taklimat

JITRA, Isnin (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed akan merasmikan majlis taklimat pembangunan, jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung, seluruh daerah Kubang Pasu, di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, dekat sini, Jumaat ini.

Penolong Pegawai Daerah di sini, Encik Abdul Wahab bin Bakar, berkata hari ini, seramai 465 orang ahli jawatankuasa itu telah dijemput menghadiri taklimat tersebut.

Dato Seri Dr. Mahathir yang akan melakukan lawatan dua hari ke Kedah mulai Jumaat, akan menemui penduduk Kampung Naka dalam kawasan pilihanraya Kubang Pasu, selepas merasmikan majlis itu.

Sebelah petangnya, beliau akan menemui pemimpin-pemimpin China dan MCA Kubang Pasu, di Sekolah China Jitra.

Pada hari Sabtu, beliau akan menemui Penghulu-penghulu Mukim dalam daerah Kubang Pasu di kediamannya di Titi Gajah, kemudian melancarkan kempen anti-dadah di Alor Setar anjuran Kelab Lion.